

23/08/2003

Sidang lulus lima usul

WANITA Gerakan sebulat suara meluluskan lima usul pada persidangan ke-16 pergerakan itu di Menara PGRM, semalam.

Usul itu ialah:

\* Menggesa kerajaan mendeklamasikan Rukun Negara pada setiap perhimpunan awam dan swasta untuk menjana perpaduan rakyat.

\* Meminta kerajaan memelihara hak wanita secara perundangan dan menggalakkan penghapusan diskriminasi jantina dengan memberi wanita peluang dalam semua sektor.

\* Mahu pengambilan belia untuk Program Khidmat Negara mengambil kira penyertaan belia yang mempunyai rekod jenayah juvana.

\* Mengucapkan ribuan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana pimpinan beliau yang berwawasan dan sumbangan tidak ternilai dalam menentukan arah tuju negara serta menyokong penuh bakal penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

\* Menggalakkan rakyat khususnya belia memperoleh kemahiran teknologi supaya dapat bersaing pada era komputer.

Terdahulu, Ketua Pergerakannya, Datuk Rina Bhar, dalam ucapan pada majlis perasmian persidangan perwakilan Pemuda dan Wanita Gerakan, berkata pergerakan itu mahu sistem pendidikan mengambil kira hak kesamarataan rakyat bagi memastikan semua pihak mendapat peluang yang sama untuk belajar secara formal.

Katanya, Wanita Gerakan mahu sistem merit dalam pendidikan yang dilaksanakan kerajaan diteruskan kerana sistem itu memberi hak yang sama rata kepada semua rakyat mendapat pendidikan.

Sementara itu, Pergerakan Pemuda Gerakan menyeru semua pihak yang masih menjadikan isu kaum dan agama sebagai modal politik menghentikannya kerana ia boleh menjejaskan pencapaian Wawasan 2020 dan Bangsa Malaysia.

Ketuanya, Mah Siew Keong, berkata penggunaan isu perkauman dan agama hanya menyebabkan perpecahan dan menggalakkan sikap mementingkan diri sendiri.